

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN IV - PENALTI DAN PERUNTUKAN PELBAGAI YANG BERHUBUNGAN DENGAN AKAD
NIKAH DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN**

Seksyen 40. Kesalahan yang berhubungan dengan akad nikah perkahwinan.

(1) Mana-mana orang yang dengan diketahuinya mengkadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengkadnikahkan atau menjalankan upacara sesuatu perkahwinan-

(a) tanpa ada kebenaran berkahwin sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 19; atau

(b) selain di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh dipercayai di samping orang yang mengkadnikahkan perkahwinan itu, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan pemenjaraan itu.

(2) Mana-mana orang yang berkahwin, atau yang berupa sebagai diakadnikahkan, atau yang menjalani suatu cara akad nikah dengan, mana-mana orang berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan pemenjaraan itu.
